

**Headline** Apa dosa golongan HIV/AIDS  
**Date** 29. Mar 2009  
**Media Title** Kosmo Ahad  
**Section** Semasa  
**Circulation** 40000  
**Readership** 200000

**Language** MALAY  
**Page No** 14  
**Article Size** 513 cm<sup>2</sup>  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color  
**AdValue** 6146.55



# Apa dosa golongan HIV/AIDS?

**Ada yang mendesak penghidapnya dikuarantin, manakala yang lain mahukan nama mereka didedahkan kepada umum. Sebenarnya, kes jangkitan HIV/AIDS bukan hanya berlaku di kalangan pekerja seks atau penagih dadah.**

Oleh HAMZAH ABDUL HAMID



**Alangkah sia-sia semua usaha kami itu kalau saat melangkah ke dunia luar, golongan ini ditekan dengan diskriminasi, konfrontasi, penghinaan sosial dan juga stigma yang tidak berakhir**

**B**ERGEGER lagi rumah Majlis AIDS Malaysia (MAC) dan mereka yang berada di bawah naungannya. Kali ini kerana cadangan daripada beberapa ahli Parlimen yang mengatakan bahawa golongan yang hidup dengan HIV/AIDS 'sengaja mencari' jangkitan itu.

Kalau itu belum cukup menyenggung, ada pula yang mencadangkan usul polisi sulit identiti penghidap HIV/AIDS didedahkan agar dapat mengurangkan keresahan awam.

Tanpa membuat rujukan, 'tuduhan' seterusnya menghalau ke satah arah sahaja iaitu menjalahkan dunia pelacuran dan dadah se mata-mata.

Sebelum ini, ada seorang pemimpin politik yang lain mendaangkan golongan ini ditempatkan di sebuah pulau yang terpencil.

"Apa yang disebutkan mereka ini adalah contoh silap tidak ambil peduli. Sungguh luar biasa apa yang dikatakan itu keranu kekecohahan yang ditimbulkan tidak berdasarkan fakta dan situasi sebenar," tegas Pengurus Program di Yawan Pink Triangle (YPT), Danisha Monish.

Menurut statistik Pusat Survery MAC tentang jumlah kes HIV/AIDS, sehingga Jun tahun lalu hanya sebanyak 43 kes jangkitan berlaku di kalangan pekerja seks, sementara 127 kes lagi melibatkan suri rumah.

"Ini belum mengambil kira kes yang berlaku di kalangan pelajar, pekerja industri hinggalah kepada kakitangan kerajaan," ujarnya.

Statistik itu jelas menunjukkan bahawa peratusan kes jangkitan kini lebih cenderung terjadi di kalangan individu yang menjadi mangsa jangkitan dalam senyap, dan bukan daripada golongan be-



**TERKEJUT** dengan perbahasan Parlimen tentang isu HIV/AIDS, Danisha (dari kiri), Fauziah dan Rina tampil memperjelas salah tanggapan itu.

risiko tinggi seperti pekerja seks dan penagih dadah.

"Kita perlu terima hakikat bahwa golongan penghidap HIV/AIDS hidup di sekelling kita, sama ada mereka yang sudah terdakwa dalam statistik ini ataupun yang masih tersembunyi," tambahnya yang merupakan pemahaman mesaj dan maklumat HIV/AIDS diperkasa.

Malah, menurut Danisha, banyak kes jangkitan dilaporkan torjadi di kalangan pekerja profesional.

"Adakah adil jika orang yang sama-sama berkhidmat dan menyumbang untuk masyarakat dan negara dihukum sehiggu?" kata Pengurus Program Kanan di YPT, Yusmar @ Miteh.

"Apa rasionalnya mereka ini dipinggirkan dan dimulakan lagi dengan pendekahan identiti mereka kepada umum? Negara pastinya akan kerugian banyak tenaga profesional jika golongan HIV/AIDS dinafikan hak untuk hidup ber-

masyarakat," tegasnya.

Danisha dan Yusmar menekankan, kalau usul meminggirkan golongan HIV/AIDS dibuat, kerana takut akan ancaman jangkitan atau meningkatkan keresahan, perkara yang sama juga perlu dibuat kepada pesakit hepatitis. Penyakit itu sebenarnya lebih berbahaya dan mudah dijangkiti.

"Walau apa pun, pencegahan lebih penting daripada rawatan. Sobab itulah pentingnya proses pendidikan yang berterusan," tambah Danisha yang harian projek pendidikan seks masih belum dilaksanakan sepenuhnya.

Sedangkan melakunya, generasi muda boleh didehdahkan dengan perkara penting seperti sistem reproduksi, soal gender dan seksualiti, jangkitan penyakit dan pengurusannya, seks selamat dan seterusnya selok-balok hidup bersosial.

"Semua itu malangnya tidak dapat mereka dalami, lebih-lebih lagi

**Kes HIV/AIDS di Malaysia hingga Jun 2008**

Sektor/Pekerjaan	HIV	AIDS
Tiada pekerjaan	363	155
Kakitangan kerajaan	26	7
Pelajar	10	4
Pasukan beruniform	9	3
Nelayan	51	5
Pekerja kilang /industri	127	41
Pekerja swasta	0	0
Pekerja seks	43	11
Suri rumah	127	28
Pemandu jarak jauh	113	24
Pekerja buruh	112	20
Lain-lain	785	200

kerana kongkongan budaya dan institusi keluarga yang menganggapnya tabu," rumus Yusmar.

Koordinator Pusat Seftenti YPT yang dikenali sebagai Rina pula menambah, isu HIV/AIDS sering digembar-gembur tanpa matlamat sedangkan ia perlu diberi tumpuan secara adil dan bersama.

"Kami sudah berusaha bermacam-macam untuk menyedarkan orang ramai tentang perkara ini.

"Golongan yang hidup dengan HIV/AIDS juga sudah ramai yang diberi semangat untuk meneruskan hidup dan terus berbaik-baik dalam bidang yang mereka boleh sumbangku," ujarnya.

"Alangkah sia-sia semua usaha kami itu kalau saat melangkah ke dunia luar, golongan ini ditekan dengan diskriminasi, konfrontasi, penghinaan sosial dan juga stigma yang tidak berakhir," rumus Yusmar.

Keresahan awam tentang isu ini sebenarnya terjadi apabila kita 'malas' untuk mengambil tahu perkembangan di sekelling kita hinggakan mendapat gambaran yang kurang tepat tentang HIV/AIDS.

Hanya apabila semua sensitiviti ini sudah diambil kira, langkah seterusnya adalah dengan membincangkan isu ini dengan lebih intelek di dalam masyarakat kita, baik di rumah ataupun di Parlimen.